

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK HAJI ISMAIL BIN  
IBRAHIM**

**TARIKH : 8 SEPTEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN NO. 4**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kerajaan bagi menjajarkan semula laluan asal Bahagian ECRL melalui Bentong, Gombak ke Pelabuhan Kelang agar ianya sejajar dengan jaringan bersepadu pengangkutan rel di semenanjung Malaysia terutama Pantai Timur.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jajaran projek ECRL ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Seksyen A (jajaran dari Kota Bharu – Dungun), Seksyen B (jajaran dari Dungun – Mentakab) dan Seksyen C (jajaran dari Mentakab – Pelabuhan Klang).
2. Pada masa ini, jajaran Seksyen C (Mentakab – Pelabuhan Klang) sedang dikaji dan diperhalusi terutamanya laluan asal yang melalui Bentong, Gombak dan seterusnya ke Pelabuhan Klang. Cadangan asal projek ECRL pada tahun 2018 iaitu sebelum penggantungan projek telah mengambilkira pembinaan sistem landasan bagi tolok meter (*meter gauge*) bagi KTMB dan tolok standard (*standard gauge*) bagi ECRL yang akan dibina dari Serendah ke Pelabuhan Klang. Stesen Serendah telah dikenalpasti sebagai stesen yang sesuai bagi pertukaran (*interchange*) penumpang dan juga barangan atau kargo di antara ECRL dan KTMB. Melalui stesen ini, kedua-dua perkhidmatan ini (ECRL dan KTMB) akan dapat mengintegrasikan serta meningkatkan jaringan rel di antara negeri-negeri di Pantai Timur dan negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia.
3. Cadangan pembinaan laluan ECRL dan laluan KTMB dari Serendah ke Pelabuhan Klang bakal memberi manfaat kepada Kerajaan terutamanya dalam penjimatan kos perbelanjaan projek sekaligus dapat menjimatkan tempoh penyelarasan dan pembinaan bagi kedua-dua laluan ini.

**NO. SOALAN:4**

4. Seterusnya pihak Kerajaan akan berunding semula dengan pihak Kerajaan China dan kontraktor utama projek bagi mendapatkan kepastian mengenai implikasi kos dan jadual pelaksanaan projek. Hasil rundingan ini akan dibentangkan kepada Kerajaan bagi keputusan muktamad mengenai jajaran Seksyen C (Mentakab – Pelabuhan Klang) projek ECRL.

Sekian, terima kasih.